

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 25 MEI 2016

RUJUKAN : 9153

SOALAN:

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah dan kategori kes jenayah yang melibatkan pelajar sekolah sejak 2013 hingga sekarang dan faktor-faktor kewujudan tingkahlaku ganas dan jenayah dalam kalangan pelajar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan jenayah yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah masih lagi kecil ketika ini jika diukur daripada keseluruhan pelajar dalam negara ini. Namun demikian, gejala ini perlu dibendung segera dari terus merebak dan menjadi masalah yang rumit. Pihak polis dengan Kementerian Pendidikan sentiasa berhubung rapat dan bekerjasama untuk menangani masalah tersebut. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-

- i) Melantik Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara;**
- ii) Mewajibkan pelajar-pelajar sekolah menyertai aktiviti kokurikulum seperti pasukan kadet polis, bomba, tentera dan sebagainya supaya mereka tidak terdedah dengan gejala yang tidak sihat; dan**
- iii) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), yang digabungkan dalam Majlis Permuafakatan Nasional diminta untuk lebih agresif membantu pihak sekolah.**

Statistik tangkapan pelajar dalam kegiatan jenayah indeks bagi tahun 2013 sehingga Mac 2016 dalam jenayah indeks adalah seperti berikut:-

KESALAHAN		2013	2014	2015	2016 (JAN-MAC)
JENAYAH KEKERASAN / HARTABENDA :					
1.	BUNUH	15	8	13	5
2.	ROGOL	199	232	201	28
3.	SAMUN BERKAWAN BERS/API	-	-	0	0
4.	SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	89	120	137	18
5.	SAMUN BERSENJATAPI	-	-	0	0
6.	SAMUN TANPA S/API	108	15	18	2
7.	MENCEDERAKAN	265	269	257	77
8.	CURI	278	384	326	66
9.	CURI MOTOKAR	34	18	14	2
10.	CURI MOTOSIKAL	1,107	809	692	153
11.	CURI VAN/LORI/J'BERAT	13	4	1	0
12.	CURI RAGUT	29	8	12	2
13.	PECAH RUMAH DAN CURI	346	206	180	45
JUMLAH JENAYAH INDEKS		2,483	2,073	1851	398

Dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak polis antara faktor-faktor yang dikenalpasti mendorong pelajar-pelajar terjerumus dalam perlakuan jenayah adalah seperti berikut:-

- i) Pengaruh rakan-rakan;**
- ii) Pergaulan yang bebas;**
- iii) Kurang kasih sayang keluarga;**
- iv) Pengaruh daripada Internet;**
- v) Tekanan hidup;**
- vi) Sikap *materialistic*; dan**
- vii) Kurang pengetahuan agama.**